

GEJALA SOSIAL

Pelajar dibuang sekolah berisiko menagih dadah

Masalah berkaitan penagihan dadah adalah isu yang sangat rumit dan dihadapi semua negara di dunia, tidak ketinggalan Malaysia. Masalah ini semakin serius sejak tahun 1970-an hingga mendorong kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara pada tahun 1983.

Sehingga kini, masalah itu masih tidak mampu diselesaikan. Walaupun statistik menunjukkan penurunan bilangan penagih, tetapi ia kekal sebagai musuh nombor satu negara. Statistik dikeluarkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), melaporkan seramai 1,121 remaja di bawah usia 19 tahun dikesan sebagai kes baharu. Perkara ini membimbangkan banyak pihak.

Jika dilihat punca penagihan, antara faktor mendorong remaja dalam penagihan dadah antaranya kawasan kediaman yang tidak sesuai, bekalan dadah yang mudah didapati, runtuhnya institusi kekeluargaan dan kurang pengawasan daripada ibu bapa.

Malah pengaruh rakan sebaya juga adalah faktor utama penagihan dadah dalam kalangan remaja.

Masalah semakin rumit

Pelbagai usaha dijalankan untuk mengurangkan penagihan dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah, tetapi masalah ini nampak semakin rumit untuk diselesaikan.

Statistik dikeluarkan Pejabat Pendidikan Daerah di Selangor, seramai 310 pelajar dibuang atas pelbagai kesalahan dilakukan se-

panjang Januari hingga September 2015. Apa yang mengejutkan, hanya 77 pelajar merayu bersekolah semula. Masalah yang perlu difikir ialah ke manakah perginya baki pelajar yang tidak merayu menyambung persekolahan mereka?

Faktor ajakan rakan sebaya yang sama-sama tidak bersekolah memberi kecenderungan kepada pelajar untuk terbabit dengan gejala penagihan dadah.

Satu kajian dijalankan mendapati sebilangan besar penagih dadah wanita menggunakan dadah selepas mereka berhenti sekolah dan kerana pengaruh kawan sebaya, bukan sahaja pada tahap umur remaja, tetapi juga pada tahap awal dan lanjut dewasa. Perkara ini disokong dengan dapatan 31 responden mewakili 40.3 peratus sudah berhenti sekolah ketika mula menggunakan dadah.

Laporan AADK menyebut seramai 672 penagih dikesan sepanjang tahun 2007 dan 2008 datang daripada pelajar yang tidak bersekolah. Kenyataan Timbalan

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri Kelantan 1/2015, belia yang tidak bekerja dan pelajar yang berhenti sekolah dikesan menjadi pengedar dadah kepada kalangan pelajar selain dadah mudah diseludup dari negara jiran dengan harga murah.

Kerjasama ibu bapa

Berdasarkan kajian dijalankan, jelas menyatakan bahawa pelajar yang lemah dalam pelajaran akan berkawan sesama mereka. Kebanyakan pelajar yang dibuang sekolah adalah disebabkan kesalahan kerap tidak hadir ke sekolah dan peratus pelajar itu terbabit dengan dadah sebaik tamat sekolah sangat tinggi. Justeru, ibu bapa dan sekolah perlu berkerjasama dengan pihak berkuasa seperti AADK dan polis bagi membantu pelajar yang dibuang sekolah tidak terjebak dengan masalah penagihan dadah.

Isu penagihan dalam kalangan

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

FAKTA NOMBOR

672
pelajar

menagih dadah
sepanjang tahun
2007 dan 2008

remaja sekolah akan dibincang pada Seminar Antarabangsa Pencegahan Dadah 2015 anjuran Pusat Penyelidikan Dadah Asia, Universiti Sains Islam Malaysia. Seminar ini akan berlangsung pada 23 hingga 24 November bertempat di Akademi Koreksional di Langkawi, Kedah. Maklumat lanjut boleh didapati di <http://bit.ly/Prevent2015>

**Abdul Mueiz
Mohammad Ruslee,**
Pusat Penyelidikan Dadah Asia, USIM